



KENYATAAN MEDIA BUKU AKAN TERBIT

Buku Tolong! Saya Hanya Ada 60 Minit

Buku-buku yang bergenre masakan antara karya yang selalu diterbitkan oleh syarikat penerbitan buku. Buku-buku resipi masakan juga antara yang menjadi pilihan terutama daripada golongan suri rumah. Oleh itu, PTS Media Group akan mengeluarkan sebuah lagi buku masakan pada Mac 2016. Buku yang bertajuk *Tolong! Saya Hanya Ada 60 Minit* adalah hasil kerja Chef Azian Hasan. Chef Azian ialah seorang tukang masak yang terkenal di Malaysia. Beliau mula menceburi bidang masakan semenjak umur sembilan tahun lagi.

Justeru, tidak hairan beliau dapat menyediakan dan memperkenalkan banyak resipi baru. Chef Azian juga selalu mengolah menu-menu lama bagi menjadikannya lebih segar dan menarik. Dalam buku masakan terbarunya ini, beliau menyediakan resipi-resipi yang berkhasiat untuk pembaca. Tambahan lagi, ia adalah masakan yang cepat disiapkan dalam masa 60 minit.

Bahkan, buku ini memaparkan juadah lengkap yang dapat disiapkan dalam masa 60 minit termasuk lauk-pauk dan pencuci mulut. Selain daripada cepat disediakan, keutamaan buku ini juga bagi memberi idea menghasilkan menu yang berkhasiat dan murah. Apa yang menarik lagi, ia adalah buku pertama yang seumpama ini. Kaedah memasak dalam buku ini tidak sama dengan buku masakan yang biasa. Penulis menggunakan teknik *batch meal* dalam penyediaan setiap hidangan.

Golongan ibu yang sentiasa mengejar masa menguruskan kehidupan rumah tangga sesuai membaca buku ini. Para ibu khususnya boleh menyediakan hidangan yang berlainan setiap hari. Antara menu yang dicipta oleh Chef Azian dalam buku ini adalah Udang Masak Lada Hitam, Tom Kha Ghai, Mango Sago, Gerang Asam, Kacang Panjang Kerinting Tumis Belacan dan pelbagai lagi. Hidangan-hidangan ini juga disediakan secara harian. Selain daripada buku ini, Chef Azian juga pernah menghasilkan beberapa buah buku resipi bersama dengan PTS Media Group. Antaranya *Idea Bekal ke Pejabat-Menu Ala Barat*, *Idea Bekal ke Pejabat-Menu Asia*, *Idea Bekal ke Sekolah-Menu Ala Barat*, dan *Idea Bekal ke Sekolah-Menu Asia*.

AMIRATUL AWATIF GHAZALI

Konsultan Buku PTS Media Group Sdn. Bhd.

H/P: 016-661 1974

E-mel: awatif@pts.com.my